

TAHAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT SEBAGAI
PENUDAH KOMUNIKASI DALAM PROSES PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN (P&P) DALAM KALANGAN
PENSYARAH POLITEKNIK

SITI FAUZIAH BINTI ABD. AZIZ

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN UTHM



3000002418171

CH 122511

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL : TAHAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT SEBAGAI
PEMUDAH KOMUNIKASI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN (P&P) DALAM KALANGAN PENSYARAH
POLITEKNIK.

SESI PENGAJIAN : 2007/2008

Saya SITI FAUZIAH BINTI ABD. AZIZ (770524-11-5548)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM / Sarjana / Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap :

NO.45 KAMPUNG PAUH
21700 KUALA BERANG
TERENGGANU

TAN KING HIYANG
(Nama Penyelia)


Tarikh : November 2007

Tarikh : November 2007

CATATAN :

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini memadai dari segi skop dan kualitinya untuk tujuan penganugerahan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 

Nama Penyelia: TAN KING HIYANG

Tarikh : NOVEMBER 2007

**TAHAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT SEBAGAI
PEMUDAH KOMUNIKASI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN (P&P) DALAM KALANGAN PENSYARAH
POLITEKNIK.**


SITI FAUZIAH BINTI ABD. AZIZ

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Fakulti Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

NOVEMBER 2007

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali
nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya
telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : SITI FAUZIAH BINTI ABD.AZIZ

Tarikh : NOVEMBER 2007

1
2
3
4
5
6
7
8
9
10

Teristimewa buat...

Ayahbonda Tersayang:

Hj Abd Aziz Bin Yaacob

dan

Hjh Siti Minah Binti Idris

Segala dorongan dan pengorbanan yang diberikan terpahat dihati buat selama-lamanya.

serta

Kakak, Abang Dan Insan Tersayang:

Terima kasih di atas segala doa dan harapan daripada kalian

Terima kasih segalanya...

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Syukur Al-Hamdulillah dengan taufik serta hidayah dari Allah s.w.t projek kajian penyelidikan ini dapat disempurnakan dengan baik. Sebenarnya yang boleh memberi dan mampu memenuhi segala kehendak manusia itu hanya Allah s.w.t. Dialah Tuhan yang maha agong, maha kaya dan maha pengasih lagi maha penyayang, kepada-Nya dan mengharapkan anugerah-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah s.a.w serta para sahabat baginda.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Mr. Tan King Hiyang selaku penyelia saya di atas bimbingan, perbincangan dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Ucapan penghargaan juga ini ditujukan kepada Pensyarah Politeknik Johor Bahru dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atas kerjasama dan maklumat yang diberikan. Tidak dilupakan juga penghargaan ini ditujukan kepada keluarga, rakan seperjuangan, insan tersayang dan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek penyelidikan ini.

Akhir kata, segala jasa baik, kerjasama serta sumbangan yang diberikan akan beroleh keberkatan dari Allah S.W.T. Insya-Allah.

ABSTRAK

Penggunaan teknologi maklumat dalam bidang pendidikan telah terbukti berkesan dalam memberi sumbangan yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Kemahiran guru dalam mengadaptasikan teknologi maklumat sebagai alat bantu mengajar dianggap penting dalam memperluaskan tahap penguasaan dan penggunaan dalam pendidikan. Perkembangan pendidikan di Malaysia dalam pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) memerlukan anjakan peranan pendidikan dan profesion perguruan. Malaysia memerlukan lebih ramai guru yang mempunyai pengkhususan bidang pengetahuan teknologi maklumat. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah di Politeknik . Kajian ini mengaplikasikan Technology Acceptance Model (TAM) sebagai landasan rekabentuk kajian . Responden kajian terdiri daripada 181 orang pensyarah Politeknik Johor Bharu. Instrumen yang digunakan ialah melalui agihan borang soal selidik yang terbentuk daripada item-item kebolegunaan, kegunaan dan indikator pemudah komunikasi dan dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS 12.0) untuk mendapatkan skor min, dan menguji hipotesis nul bagi Ujian Kolerasi *spearman* dengan aras keertian ditetapkan pada 0.01. Dapatan kajian menunjukkan kebolegunaan dan kegunaan teknologi maklumat dalam kalangan pensyarah berada pada tahap yang tinggi (min= 4.13, 4.02 masing-masing). Sementara itu, hubungan antara kebolegunaan dan kegunaan dengan tahap penggunaan teknologi maklumat adalah positif dan tinggi ($r=0.506$ dan $r=0.618$). Sehubungan dengan keputusan yang telah diperolehi kemahiran teknologi maklumat perlu dipertingkatkan secara berterusan dalam kalangan pensyarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

ABSTRACT

The application of information technology and communication in education have been proven effective with positive contributions in the process of learning and teaching. A skillful teacher that uses information technology to support the teaching process is able to enhance the acquisition and uses of the knowledge. The development of ICT in education require changes in the role of education and teacher's profession. This study applied the *Technology Acceptance Model* (TAM) as the research framework. But appliation is one thing and willing to accept change is another. As such, this research intends to identity the level of acceptance among polytechnic lecturers regarding the usage of information technology and communication as a means of facilitating effective communication during the teaching and leaning process. Respondents consist of 181 Polytechnic lecturers from Johor Bharu . Data gathered through distribution of questionnaires were further analyzed through descriptive statistical analysis using SPSS Version 12.0 which were represented by mean scores, and hypothesis testing using *spearman Correlation* at 0.01 level of significance. Overall, the research shows the lecturers is perceived usefulness and ease of use to apply the information technology during the leaving process is at high level (mean = 4.13 and 4.02 each). The research has also show that there is a positive and high correlation between usefulness, ease of use with actual usage level of information technology ($r=0.506$ and $r=0.618$). In conjunction with the research, several recommendation to upgrade the usage is ICT to improve communication process during teaching and leaning have been proposed.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN	
	JUDUL	i
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Persoalan Kajian	9
	1.5 Objektif Kajian	10

1.6	Hipotesis Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Model Kerangka Teori Kajian	13
1.9	Skop Kajian	16
1.10	Definisi Istilah	16
	1.10.1 Pensyarah	16
	1.10.2 Teknologi Maklumat	17
	1.10.3 Pemudah	17
	1.10.4 Komunikasi	18
	1.10.5 Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)	18
	1.10.6 Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P)	19
1.11	Kesimpulan	20

BAB 11 SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	21
2.2	Penggunaan komputer Dalam Pendidikan	22
2.3	Pengajaran Dan Pembelajaran	27
2.4	Technology Acceptance Model (TAM)	28
	2.4.1 Kebolehgunaan (Usefulness)	30
	2.4.2 Kegunaan (Ease of Use)	30
2.5	Pendidikan Teknik dan Vokasional	31
2.6	Teknologi Maklumat	33
	2.6.1 Komponen-komponen di Dalam Teknologi Maklumat	34
	2.6.2 Jenis-jenis Sistem Maklumat	35
2.7	Komunikasi	36
	2.7.2 Model Lasswell	37
	2.7.2 Model Claude Shannon Dan Weaver	38

2.7.3	Model Schramm	40
2.8	Persepsi	42
2.9	Kesimpulan	44

BAB 111 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Responden Dan Kaedah Pemilihan Sampel	46
3.4	Instrumen Kajian	49
3.4.1	Bahagian A	50
3.4.2	Bahagian B	50
3.4.3	Bahagian C	51
3.4.4	Bahagian D	52
3.5	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	54
3.6	Kajian Rintis	55
3.7	Kerangka Operasi	56
3.8	Kaedah Analisis Data	58
3.9	Andaian	60
3.10	Batasan Kajian	60
3.11	Kesimpulan	60

BAB 1V ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	61
4.2	Prosedur Analisis Data	63

4.3	Analisis Dapatan Kajian	64
4.4	Analisis Data Demografi	64
4.5	Data Analisis Terhadap Kebolegunaan Teknologi Maklumat Mengikut Persepsi Pensyarah Politeknik	67
4.6	Data Analisis Terhadap Kegunaan Teknologi Maklumat Mengikut Persepsi Pensyarah Politeknik	71
4.7	Data Analisis Kecenderungan Sikap Pensyarah Politeknik Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat	75
4.8	Data Analisis Tahap Penggunaan Teknologi Maklumat Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik	75
4.9	Data Analisis Terhadap Hubungan Antara Kecenderungan sikap dengan Tahap Penggunaan Teknologi Maklumat	76
4.10	Kesimpulan	79

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	80
5.2	Perbincangan	81
5.2.1	Perbincangan Mengenai Persepsi Pensyarah Politeknik Terhadap Kebolegunaan Teknologi Maklumat	82
5.2.2	Perbincangan Mengenai Persepsi Pensyarah Politeknik Terhadap Kegunaan Teknologi Maklumat	87

5.2.3	Perbincangan Mengenai Kecenderungan Sikap Pensyarah Politeknik Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat	90
5.2.4	Perbincangan Mengenai Tahap Penggunaan Teknologi Maklumat Sebagai Pemudah Komunikasi Dalam Proses P&P Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik	92
5.2.5	Perbincangan Mengenai Hubungan Antara Kecenderungan Sikap Dengan Tahap Penggunaan Teknologi Maklumat	94
5.3	Cadangan	95
5.3.1	Cadangan Kepada Pensyarah Dan Politeknik	95
5.3.2	Cadangan Kepada Kajian Akan Datang	96
5.4	Rumusan	97
	RUJUKAN	100
	LAMPIRAN (A – E)	106

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Untuk aktiviti Penyelidikan	40
Jadual 3.2	Pengagihan Sampel Mengikut Jabatan	41
Jadual 3.3	Item-item Persepsi Pensyarah Terhadap Kebolehgunaan Teknologi Maklumat Sebagai Pemudah Komunikasi	44
Jadual 3.4	Item-item Persepsi Pensyarah Terhadap Kegunaan Teknologi Maklumat Sebagai Pemudah Komunikasi	45
Jadual 3.5	Item-item Sebenar Penggunaan Teknologi Maklumat Sebagai Pemudah Komunikasi	46
Jadual 3.6	Skala Pemeringkatan Likert	46
Jadual 3.7	Tafsiran Julat Nilai Min	52
Jadual 3.8	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	52
Jadual 4.1	Skala Likert Yang Digunakan	63

Jadual 4.2	Spesifikasi Julat Bagi Kebolehgunaan Dan Kegunaan Teknologi Maklumat	64
Jadual 4.3	Taburan Demografi Responden Yang Dipilih	65
Jadual 4.4	Analisis Min Bagi Item Soalan kebolehgunaan Teknologi Maklumat	69
Jadual 4.5	Analisis Min Bagi Item Soalan kebolehgunaan Teknologi Maklumat	73
Jadual 4.6	Analisis Skor Min Item Sikap	75
Jadual 4.7	Analisis Skor Min Item Tahap Penggunaan Teknologi Maklumat	76
Jadual 4.8	Kolerasi hubungan antara sikap (kebolehgunaan) dengan tahap penggunaan Teknologi Maklumat	77
Jadual 4.9	Kolerasi hubungan antara persepsi sikap (kegunaan) dengan tahap penggunaan Teknologi Maklumat	78

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Model Kerangka Teori Kajian	12
Rajah 2.1	Model Penerimaan Teknologi (TAM)	23
Rajah 2.2	Model Penerimaan Teknologi (TAM) Yang Telah Diubahsuaikan	26
Rajah 2.3	Model Shannon Dan Weaver	31
Rajah 2.4	Model Schramm	33
Rajah 3.1	Kerangka Operasi Kajian	49
Rajah 4.1	Ciri-ciri Kebolegunaan Teknologi Maklumat	70
Rajah 4.2	Analisis Min Bagi Item Kegunaan Teknologi Maklumat	74
Rajah 5.1	Model Kerangka Teori Kajian	82

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
B	Borang Soal Selidik
C	Keputusan Borang Pengesahan Pakar
D	Data Kajian Rintis
E	Hasil Analisis Data Kajian Sebenar Menggunakan SPSS

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perkembangan yang pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi turut merubah corak pendidikan masakini dengan penggunaan Teknologi Maklumat sebagai satu alat bantuan dalam pengajaran dan pembelajaran. Teknologi dalam pendidikan tidak lagi dianggap sebagai satu bidang pengkhususan yang dipelajari dan diamalkan oleh segelintir golongan pendidik sahaja. Dalam konteks pendidikan masa kini, proses pengajaran dan pembelajaran tidak akan berlaku tanpa penglibatan teknologi pendidikan. Oleh yang demikian bolehlah dikatakan bahawa setiap guru adalah guru teknologi pendidikan, kerana hanya melalui pendirian dan sikap inilah dapat kita mewujudkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang bersistematik, berkesan dan berkualiti (Datuk Dr.Sulaiman Daud).

Menurut Ahmad Fuad (2003), dalam konteks pendidikan, Teknologi Maklumat merupakan satu rangkaian elektronik untuk mencari, mengumpul, menyimpan, memproses, menyalur dan menyampaikan maklumat secara efektif, pantas dan banyak untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala Halimahtun Saadiah dan Nor Azilah Ngah (2003) pula mendapati kejayaan ICT dalam pendidikan bukan hanya terletak pada teknologi tetapi juga faktor lain seperti pendekatan pedagogi, subjek yang diajar, jenis pelajar, tahap pencapaian pelajar, keperluan pelajar, guru dan persekitaran bilik darjah.

Dalam hal ini Irfan Naufal Umar (2004) pula mendapati penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran membolehkan bilik darjah bertemu dengan dunia nyata serta membolehkan pelajar-pelajar sendiri mencari maklumat dan bahan asal; memudahkan kolaboratif dan perbandingan global; dan membolehkan bahan-bahan multimedia dicipta dan disebar dengan mudah. Selain daripada itu, Harris (2000) pula mengkategorikan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran kepada tiga, iaitu:-

- (i) pertukaran interpersonal seperti penyertaan dalam kumpulan perbincangan elektronik, bilik darjah global yang melibatkan pelajar-pelajar bertukar pendapat tentang sesuatu topik dan hubungan elektronik dengan pakar.
- (ii) koleksi maklumat yang melibatkan pelajar-pelajar dan guru-guru berkongsi atrikel, sumber pengajaran dan rancangan pengajaran atau berkongsi data untuk dianalisis.
- (iii) projek yang melibatkan penyelesaian masalah selari yang melibatkan pelajar daripada pelbagai lokasi meninjau sesuatu dan kemudiannya berkongsi kaedah dan dapatan kajian.

Di samping itu pautan hiperteks dan hypermedia pula membolehkan pelajar menentukan sendiri arah tuju pembelajaran, kelajuan pembelajaran dan urutan pembelajaran. Tina & Lim Swee Kim (2004) pula mendapati penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran membolehkan pelajar bersifat aktif dalam pencarian maklumat dan membina pengetahuan daripada maklumat yang

diperolehnya serta berpeluang menghubungkan pengetahuan merentas mata pelajaran tanpa disekat oleh masa dan jarak.

Menurut pendapat Ahmad Fuad (2003) hasrat untuk mencapai penggunaan ICT secara menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan dua jenis perubahan dalam kalangan guru. Pertama, guru harus diyakinkan bahawa terdapat banyak kebaikan dan kepentingan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Kedua, guru perlu diberikan kemahiran yang mencukupi untuk menggunakan peralatan ICT secara cekap dan efektif. Mengikut Sarimah (2003) pula latihan ICT diperlukan bukan sahaja untuk melatih kemahiran penggunaannya tetapi juga untuk menyakinkan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran dikalangan guru.

Malah Norizan (2003) dalam kajiannya mendapati wujud perhubungan yang baik antara kemahiran ICT dengan amalan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala Mohd Zaaba dan Zurida mendapati guru-guru masih tidak pasti akan keupayaan mereka untuk menggabungkan ICT dalam pengajaran. Kebanyakan daripada mereka masih berada ditahap 'perlu belajar' untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam ICT. Keupayaan seseorang untuk menggabungkan ICT dalam pengajaran bukan berlaku secara automatik. Pengetahuan dan kemahiran dalam ICT tidak menjamin pengintergrasiannya dalam kurikulum dan juga pengajaran. Justeru, adalah penting bagi guru untuk membuat persediaan yang mencukupi agar dapat memenuhi tuntutan dan jangkaan masyarakat untuk menggabungkan ICT dalam pengajaran. Sikap serta keyakinan dan efikasi yang tinggi membantu memudahkan proses peningkatan kemahiran dalam pelaksanaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Albion (1999) menyarankan bahawa satu cara yang ideal untuk meningkatkan efikasi guru terhadap penggunaan ICT ialah dengan menyediakan latihan kemahiran ICT kerana ia berupaya meningkatkan efikasi guru. Menyokong pendapat Albion (1999) ialah Jones (2002) yang menyatakan bahawa apabila guru menggunakan ICT

untuk tujuan pengajaran, keyakinan diri akan muncul sebagai petunjuk yang penting ke atas seseorang guru untuk mengajar ICT dalam bilik darjah. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Moersch (2001), bahawa penggunaan ICT dalam pengajaran adalah bergantung kepada keyakinan diri guru untuk mengguna dan mengendalikan peralatan ICT.

Cabaran-cabaran yang wujud pada abad ke-21 ini menuntut agar negara membangunkan sumber tenaga yang mempunyai ciri-ciri yang celik dan mahir tentang teknologi maklumat dan komunikasi, mampu bersaing pada peringkat tempatan dan peringkat global, bahkan mempunyai jati diri dan daya saing yang tinggi dalam menghadapi apa jua cabaran yang mendatang. Oleh itu, Kerajaan Malaysia perlu menyediakan program pembangunan yang membolehkan warga sekolah membudayakan sepenuhnya akan penggunaan Teknologi Maklumat itu. Keadaan ini dapat melahirkan warganegara keguruan yang berilmu pengetahuan, celik IT, berkemahiran dan berakhlak mulia bagi memenuhi hasrat yang berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu sendiri. Bagi menyahut cabaran ini para guru itu sendiri perlu bersiap sedia dengan ilmu pengetahuan tentang Teknologi Maklumat yang sentiasa berkembang dan terkini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kehadiran era teknologi yang sentiasa berkembang pesat, menuntut perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Penggunaan Teknologi Maklumat adalah penting bagi para pelajar dan pendidik sendiri untuk membimbing, mempelbagai dan menggarap generasi baru untuk menghadapi era pendidikan pada masa kini. Dunia pendidikan sangat mengharap kehadiran para pendidik yang celik tentang ilmu teknologi terkini untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan mutu pendidikan negara. Penggunaan teknologi semakin penting dalam menjana dan memperkembangkan idea dan kreativiti para

pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran guru dalam mengadaptasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebagai alat bantu mengajar bagi mempertingkatkan kefahaman pelajar.

Jabatan Pendidikan Teknikal yang ditubuhkan pada tahun 1995 dari satu bahagian kecil yang dikenali sebagai Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) yang bermula pada tahun 1964. Misi utamanya adalah untuk menyediakan pendidikan teknikal yang dapat membantu perkembangan insan cemerlang. Ia juga mempunyai visi untuk membentuk sistem pendidikan teknikal bertaraf dunia yang memenuhi keperluan semasa negara. Di dalam usaha untuk merealisasikan Wawasan 2020, jabatan ini melalui objektif utamanya akan menuju ke arah pendidikan yang cemerlang. Kejayaan pelaksanaan yang sistematik ini diterapkan di dalam institusi-institusi berikut iaitu Politeknik, Kolej Komuniti dan Sekolah Menengah Teknik. Politeknik dan Kolej Komuniti merupakan salah satu daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kini terdapat sebanyak 21 buah Politeknik dan 34 buah Kolej Komuniti di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Perkembangan Teknologi Maklumat juga turut diaplikasikan di politeknik-politeknik di Malaysia. Politeknik adalah salah satu institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang memainkan peranan penting dalam melahirkan lulusan yang mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal. Objektif penubuhan politeknik ini adalah untuk melatih para lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia dan Vokasional (SPMV), menghasilkan tenaga kerja separa profesional di dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti. Ia bertujuan untuk melahirkan produk yang memenuhi kriteria seperti berkualiti, berdaya saing dan memilih pengetahuan serta kemahiran yang memenuhi spesifikasi industri dan pasaran global. Keberkesanan sistem pendidikan di politeknik banyak dipengaruhi oleh sokongan padu serta kerjasama yang erat antara kedua-dua belah pihak iaitu pelajar dan kakitangan.